

Tarikh Dibaca: 29 April 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“AWAS! JANGAN ANDA
TERJEBAK”**

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



"AWAS! JANGAN ANDA TERJEBAK"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ:... الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ
عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ
فِي مَحْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لَا ثُمَّ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ
أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ،
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kehadrat Allah SWT dengan mentaati segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Sesungguhnya ciri-ciri taqwa yang perlu ada dalam diri setiap orang Islam ialah tunduk, patuh dan takut dengan larangan Allah dan berhati-hati dari tergelincir ke lembah kekufuran dan kefasikan demi menjamin kesejahteraan dan kebahagian hidup di dunia dan akhirat.

Khatib mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati bersungguh-sungguh khutbah pada hari ini yang bertajuk **"AWAS! JANGAN ANDA TERJEBAK."**

Hadirin yang berbahagia sekalian,

Isu ajaran sesat sering mendapat perhatian masyarakat hari ini. Ia sering didedahkan di dada-dada akhbar dan menjadi viral di media maya sosial. Walaupun gerakan penguatkuasaan giat dijalankan, ia masih mendapat tempat, mempunyai pengikut dan mengancam akidah umat Islam.

Hal ini berlaku kerana sejarah ajaran sesat itu sendiri telah mula tumbuh di zaman Rasulullah SAW. Musailamatul Kazzab telah mengaku sebagai nabi hingga Saidina Abu Bakar memerintahkan agar beliau diperangi habis-habisan. Di Malaysia ajaran sesat dikatakan mula bertapak di Kampung Seronok, Pulau Pinang dengan nama ajaran Taslim yang diketuai oleh Hj Ahmad Matahari. Manakala di Selangor pula ajaran Qadiani yang merupakan ajaran sesat zaman kolonial dan dikatakan mula bertapak di Jeram, Kuala Selangor sejak zaman British lagi.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,



Menurut JAKIM, definisi ajaran sesat ialah sebarang ajaran,fahaman atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran, fahaman atau amalan tersebut adalah ajaran Islam walaupun hakikatnya ia bertentangan daripada ajaran Islam berdasarkan Al Quran dan As Sunnah serta bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ia tidak sesat pada luarannya dan sukar dikesan tetapi penyelewengan itu diketahui apabila kita telah masuk dalam kumpulan tersebut. Sudah sebatи dengan ajaran dan terikat dengan bai'ah yang membawa mudarat apabila meninggalkannya sebagaimana diterangkan oleh guru ajaran berkenaan.

Perlu diketahui bahawa ajaran sesat boleh dikesan dalam beberapa ciri, antaranya;

1. Bentuk ajaran.

Seseorang guru itu membawa atau mencipta ajaran baru yang bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak. Contohnya mengerjakan haji tidak perlu ke Mekah dan mengerjakan solat fardhu dengan niat sahaja.

2. Berselindung atas nama Tariqat.

Pengasas atau guru biasanya menggunakan nama tariqat yang masyhur tetapi amalan mereka bertentangan dengan ajaran tariqat yang sebenarnya.

3. Bentuk dan kepercayaan.

Ia berkaitan fahaman atau amalan mistik dan ilmu-ilmu sihir yang sebahagiannya berakar umbi sejak dahulu kala seperti pemujaan tempat atau kubur keramat wali-wali yang kononnya mempunyai kelebihan. Ia juga berbentuk kepercayaan kepada kuasa sakti seperti dalam amalan seni persilatan melayu dan ilmu mempertahankan diri. Mempercayai bomoh yang



mendapat ilmu melalui mimpi atau jin dengan amalan menurun dan pembedahan batin.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita hindari diri kita dari terjebak dengan ajaran-ajaran sesat tersebut kerana ia akan membawa kesan yang cukup besar dalam kehidupan kita sebagai seorang Muslim iaitu:

1. Terkeluar daripada Islam;

Seseorang penganut ajaran sesat akan terkeluar dari ajaran Islam apabila ia mengaku dirinya sebagai nabi atau Rasul sesudah Nabi Muhammad SAW. Bahkan umum mengetahui bahawa tiada lagi nabi selepas Nabi Muhammad SAW yang merupakan khataman nabiyyin (penamat segala nabi-nabi).

Hal ini adalah berdasarkan hadis daripada Anas Bin Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

إِنَّ الرِّسَالَةَ وَالنُّبُوَّةَ قَدْ اِنْقَضَتْ فَلَا نَبِيٌّ وَلَا
رَسُولٌ بَعْدِي

"Sesungguhnya risalah kenabian itu telah habis, maka tidak ada nabi dan rasul la sesudahku".

(Riwayat Imam Ahmad).

2. Putus hubungan dengan ahli keluarga dan masyarakat di kalangan orang Islam;



Sebenarnya jarum halus dakyah-dakyah mereka bermula dengan mengadakan kelas-kelas pengajian secara sembunyi. Mereka mendoktrin pengikut bahawa ajaran mereka adalah ajaran yang benar dan guru mereka adalah pemegang anak kunci syurga. Mereka akan menimbulkan perselisihan hukum dengan qaul yang muktabar dalam pengajian kaum wanita yang akhirnya menimbulkan perkara tidak sehaluan dengan suami. Oleh kerana fanatik yang melampau dan timbulnya perselisihan pendapat dengan fatwa-fatwa guru, si isteri memohon cerai. Lalu mereka akan tinggal dalam kelompok dan perkampungan mereka sendiri dan tidak bercampur dengan masyarakat luar.

3. Berlaku zalim dan menganiaya orang lain kerana patuh dengan arahan dan ajaran guru;

Ini berlaku dalam memenuhi arahan guru ada antara pengikut yang sanggup menceraikan isterinya walaupun untuk dikahwinkan dengan guru mereka. Mereka menzalimi diri mereka sendiri dengan menyerahkan seluruh pendapatan dari hasil pekerjaan mereka kepada kumpulan mereka atas nama yang kononnya boleh menebus dosa-dosa silam. Malah mereka lebih mengutamakan guru dan jemaah hingga mengabaikan tanggungjawab dan perhatian kepada isteri dan anak-anak.

4. Mengancam keselamatan negara

Kesan ini akan memecahbelahkan masyarakat dan menjadikan negara kucar-kacir. Sebagai contoh bagaimana ajaran sesat telah menyebabkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda dan menimbulkan kegelisahan di kalangan masyarakat. Pernah berlaku pada 16 Oktober 1980, yang mana ada kumpulan ajaran sesat telah mengaku ketua mereka sebagai Imam Mahdi dan telah menyerang Balai Polis Batu Pahat. Ketuanya telah terbunu



dalam serangan tersebut, manakala beberapa pengikutnya dan anggota polis yang bertugas telah mengalami kecederaan akibat tragedi itu.

Terkini ajaran Milah Abraham yang telah difatwakan sesat pada tahun 2015 lalu, telah membina struktur pemerintahan sendiri seperti sebuah kerajaan yang mempunyai seorang menteri besar dan juga gabenor wilayah. Ini sudah tentu satu komplot bagi menggulingkan kerajaan sedia ada yang boleh mengancam keselamatan negara dan mengganggu gugat keharmonian dan kesejahteraan yang sedang kita nikmati.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Sebelum ajaran sesat ini menjadi barah yang sukar untuk dibentersa, marilah sama-sama kita mengambil sikap lebih prihatin untuk mengelak dari terjebak dengan 37 kumpulan ajaran sesat yang telah difatwakan sesat di negeri ini. 22 kumpulan masih bergerak aktif dan 6 kumpulan merupakan yang paling aktif iaitu Syiah, Qadiani, Milah Abraham, Hizbut Tahrir, Liberalisme, dan Islamic State, maka usaha pengembelingan tenaga secara jamaie diperlukan oleh seluruh umat Islam dinegeri Selangor ini dalam memastikan akidah umat Islam terus terpelihara berdasarkan panduan al-Quran dan as-Sunnah.

Hadis daripada Malik Bin Anas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

تَرَكْتُ فِيمْكُمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكُتُمْ
بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ



"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang kepada kedua-duanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Nabi".

(Riwayat Imam Malik).

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita mengambil pengajaran dan penghayatan dari khutbah ini iaitu;

1. Umat Islam hendaklah menjauhkan diri dari terjebak dengan ajaran sesat yang boleh merosakkan akidah, memusnahkan syariah dan menghancurkan akhlak dan menggugurkan segala amalan yang dilakukan di atas dunia ini hingga boleh menjerumuskan diri kita ke dalam neraka.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa berpegang teguh kepada empat sumber hukum iaitu al-Quran, as-Sunnah, Ijmak dan Qias dalam menjalani kehidupan di dunia ini.
3. Umat Islam hendaklah sama-sama berperanan dalam usaha membanteras ajaran sesat sebelum ianya menjadi barah kerana ia bukan sahaja membawa kerosakan kepada individu sahaja bahkan meruntuhkan institusi keluarga, masyarakat, agama dan Negara.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa memelihara keharmonian dan kesejahteraan masyarakat supaya ajaran sesat tidak mampu berkembang dan boleh dibanteras.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَمَن يَتَّبِعُ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي
الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ



“Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka Allah sekali-kali tidak akan dapat menerima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak tergolong dikalangan orang-orang yang rugi”.

(Surah ali-Imran : ayat 85).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ ،
أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrem yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
الَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَى عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ مَلِكُنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ
سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَالَّاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ . اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا عَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.